

# SOP lebih jelas, diyakini jalani kegiatan sepanjang endemik

BH - 5/10/2021 w/d: 2

**Pelaksanaan bolehkan rakyat kembali urus kehidupan dan sektor ekonomi terus beroperasi**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia akan memiliki prosedur operasi standard (SOP) yang jelas serta dipercayai sepanjang tempoh endemik, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.


Perdana Menteri berkata, SOP baharu berkenaan akan membolehkan rakyat Malaysia kembali semula kepada kehidupan sosial dan aktiviti ekonomi beroperasi semula, meskipun bukan berasaskan kehidupan normal sebelum COVID-19.

“Semakin banyak negara menyedari dunia akan beralih daripada pandemik dan menguruskannya sebagai realiti-endemik.

“Kita pasti enggan membenarkan virus mendominasi dan mengganggu kehidupan kita dan masyarakat.

“Justeru, rakyat perlu bersedia menerima hakikat bahawa kita tidak dapat lagi kembali ke kehidupan ‘normal’ masa lalu.

“Kita perlu menentukan apakah yang perlu dilakukan dalam



Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan pada Forum Khazanah Megatrends 2021 *The Invention of Tomorrow: Crafting Our New Collective Narrative* secara maya, semalam.

senario endemik dan kerajaan akan melaksanakan dasar yang mendorong sikap serta tingkah laku yang diperlukan dalam senario ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan aluan pada Forum Khazanah Megatrends 2021 *The Invention of Tomorrow: Crafting Our New Collective Narrative* secara maya semalam.

Ismail Sabri yang juga Pengerusi Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) berkata, kerajaan sentiasa mengkaji semula langkah yang sudah dilaksanakan dalam pelbagai aspek, termasuk

berkaitan SOP berdasarkan perkembangan semasa COVID-19 di Malaysia.

“Kerajaan tidak takut untuk melaksanakan tindakan berani dan sukar dalam pelaksanaan SOP, langkah kawalan pergerakan, pengasingan sendiri dan kuarantin mandatori untuk kepentingan rakyat,” katanya.

Perdana Menteri turut mengajak rakyat Malaysia bersatu hati untuk membina negara lebih baik pasca pandemik walaupun memiliki pendapat berbeza dalam pelbagai aspek, termasuk ekonomi dan dasar.

Beliau berkata, Malaysia me-

miliki kepelbagaian bangsa, agama dan budaya, malah wujud juga perbezaan politik serta pendapat mengenai pendekatan.

Namun, katanya rakyat perlu bersatu hati berusaha untuk kesejahteraan, keselamatan ekonomi, peluang yang sama, pendidikan, penjagaan kesihatan, keselamatan, keadilan sosial dan saling menghormati kerana itulah kebaikan, kedamaian serta kebahagiaan yang dimiliki Malaysia walaupun wujudnya pelbagai perbezaan.

“Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti bersatu hati dan saling menghormati. Kita boleh mem-

punyai perbezaan pendapatan mengenai teori ekonomi, dasar kita dan sebagainya.

“Tetapi kita mesti bersatu hati dan percaya kita semua bersama. Inilah yang harus kita lakukan untuk membina hari esok yang lebih baik,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, krisis COVID-19 yang melanda negara memberi peluang rakyat bersatu hati dan bersama-sama dalam melawan pandemik.

“Ini (pandemik) memberi kita peluang untuk bersatu dan terus fokus dalam menentukan masa depan bersama Malaysia. Ini, pada pandangan saya, falsafah asas di sebalik Keluarga Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata Belanjawan 2022 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 29 Oktober ini akan menangani segera semua isu fiskal.

Katanya, belanjawan tahunan yang bakal dibentangkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz menempa sejarah apabila buat kali pertama tampil dengan Kenyataan Pra-Belanjawan yang memberi penekanan kepada cadangan dalam bajet berkenaan.

“Kerajaan akan terus berpegang pada prinsip ‘pastikan semua tidak ketinggalan’ untuk Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya dan dapat memanfaatkan rakyat.

“Kerajaan juga mengedarkan lima Kertas Perundingan Awam Belanjawan 2022 berkaitan pelbagai masalah pembaharuan struktur,” katanya.